




KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI KE-9 TAHUN 2023 (26 FEBRUARI 2023 – 4 MAC 2023)

#### 1.0 STATUS TERKINI PENGGUNAAN FASILITI KESIHATAN

- 1.1 Secara keseluruhan, jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan bagi setiap 100,000 penduduk **tiada perubahan, kekal pada 2.8 peratus** pada Minggu Epidemiologi ke-9 tahun 2023 (ME 9/2023) berbanding ME 8/2023 (**Rajah 1**);




**Rajah 1:** Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan bagi setiap 100,000 penduduk dari ME 10/2022 hingga ME 9/2023

1.2 Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 populasi pada ME 9/2023 berbanding ME 8/2023 adalah seperti berikut;

- Pesakit kategori 1 dan 2, **meningkat** sebanyak **33.0 peratus**; manakala
- Pesakit kategori 3, 4, dan 5, **meningkat** sebanyak **33.0 peratus**.

1.3 Peratus pengisian katil fasiliti COVID-19 pada ME 9/2023 berbanding ME 8/2023 adalah seperti berikut (**Rajah 2**):

- Katil bukan kritikal, **meningkat** sebanyak pada **1.0 peratus**;
- Katil Unit Rawatan Rapi (ICU), **tiada perubahan**, kekal pada **2.0 peratus**; dan
- Peratusan pesakit COVID-19 memerlukan alat bantuan pernafasan (ABP) **menurun** sebanyak **0.2 peratus**.




**Rajah 2:** Peratusan pengisian katil fasiliti COVID-19 dari ME 10/2022 hingga ME 9/2023

## 2.0 PEMANTAUAN COVID-19 DI PUSAT PENILAIAN COVID-19 (CAC)

2.1 Kes-kes positif COVID-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di seluruh negara telah menunjukkan penurunan. Berikut adalah perbandingan data CAC fizikal yang dilaporkan pada ME 9/2023 berbanding ME 8/2023 (**Rajah 3**):

- Bilangan kedatangan pesakit ke CAC **menurun** sebanyak **12.2 peratus**;
- Bilangan kes COVID-19 baharu yang menjalani pemantauan di rumah **meningkat** sebanyak **321.7 peratus**; dan
- Bilangan kes COVID-19 yang dirujuk CAC ke hospital **menurun** sebanyak **14.3 peratus**.



**Rajah 3:** Trend kedatangan pesakit ke CAC fizikal, kes baharu COVID-19 menjalani pemantauan di rumah, dan kes rujukan CAC ke hospital dari ME 44/2022 hingga ME 9/2023


### 3.0 STATUS TERKINI KES COVID-19

3.1 Dari 25 Januari 2020 (ME 4/2020) hingga 4 Mac 2023 (ME 9/2023), situasi terkini COVID-19 adalah seperti berikut:

- Kumulatif kes baharu: 5,043,626;
- Kumulatif kes sembuh: 4,997,806 kes;
- Purata kes aktif : 8,851 kes;
- Kumulatif kes kematian: 36,965 kes; dan
- Kumulatif kluster: 7,172 kluster (kluster aktif: 2 kluster).

3.2 Perbandingan kes baharu, kes sembuh, dan kes kematian COVID-19 antara ME 8/2023 dan ME 9/2023 (**Rajah 4**):


- Bilangan kes baharu **meningkat** sebanyak **5.2 peratus** (1,367 kes kepada 1,438 kes);
- Bilangan kes sembuh **menurun** sebanyak **8.8 peratus** (1,497 kes kepada 1,365 kes); dan
- Bilangan kes kematian **meningkat** sebanyak **300.0 peratus** (2 kes kepada 8 kes).



**Rajah 4:** Taburan kes baharu, kes sembuh, dan kes kematian COVID-19 dari ME 52/2021 (1 Januari 2022) sehingga ME 9/2023

## 4.0 NILAI $R_t$

Nilai  $R_t$  pada ME 9/2023 adalah **0.99** (Rajah 5).




**Rajah 5:** Purata Nilai  $R_t$  mingguan sehingga ME 9/2023


## 5.0 SURVELAN INFLUENZA-LIKE ILLNESS (ILI) DAN SEVERE ACUTE RESPIRATORY INFECTION (SARI) BAGI COVID-19

KKM ingin memaklumkan bahawa sehingga ME 8/2023, hasil surveilan COVID-19 di lokasi sentinel seluruh negara mendapati:

- Sebanyak 17 sampel ILI dikesan positif COVID-19 dengan kadar positif **2.4 peratus** pada ME 9/2023 (**Rajah 6**); dan
- Tiada sampel SARI dikesan positif COVID-19 pada ME 9/2023 (**Rajah 7**).



**Rajah 6:** Kadar positif sampel ILI bagi COVID-19 dari Klinik Kesihatan sentinel sehingga ME 9/2023



**Rajah 7:** Kadar positif sampel SARI bagi COVID-19 dari hospital sentinel sehingga ME 9/2023

## **6.0 PEMAKLUMAN SITUASI SEMASA COVID-19 DI MALAYSIA SETIAP DUA MINGGU**

Sepanjang pandemik COVID-19 melanda negara sejak tahun 2020, KKM telah berkongsi data dan maklumat secara telus dan terbuka. Keprihatinan masyarakat dalam mengambil tahu situasi semasa jangkitan COVID-19 di dalam negara dan bersama-sama mengekang penularan penyakit adalah amat dihargai dan telah membantu dalam kawalan penularan COVID-19. Sejak beralih ke Fasa Peralihan ke Endemik, situasi COVID-19 di Malaysia dilihat semakin terkawal dan semua aktiviti sosial dan ekonomi telah berjalan seperti keadaan sebelum pandemik.

Justeru, mengambilkira situasi COVID-19 yang semakin terkawal, kenyataan akhbar berkenaan situasi semasa jangkitan COVID-19 akan dikeluarkan setiap dua (2) minggu selepas ini. Manakala data berkenaan COVID-19 di laman sesawang KKMNOW di <https://data.moh.gov.my/covid> akan dikemaskini setiap minggu.

## 7.0 NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Malaysia masih berada dalam Fasa Peralihan ke Endemik susulan keberkesanan tindakan pencegahan dan kawalan kesihatan awam. Walaupun demikian, KKM ingin menasihatkan orang ramai agar terus mematuhi saranan berikut iaitu;

- **Elakkan 3S;**
- **Amalkan 3W;**
- **Amalkan TRIIS;**
- Jalani ujian COVID-19 sekiranya **bergejala**;
- Individu **positif COVID-19 Kategori 1 dan 2A dan bukan berisiko tinggi (berumur bawah 60 tahun dan tidak mempunyai komorbid)**, tidak perlu hadir ke **Pusat Penilaian COVID-19 (CAC)**, sebaliknya hanya perlu melakukan pemantauan sendiri melalui HAT dalam aplikasi MySejahtera. Aktifkan fungsi notifikasi aplikasi MySejahtera dalam telefon pintar masing-masing. Notifikasi melalui MySejahtera akan diterima sekiranya belum atau tidak menjalankan pemantauan sendiri setiap hari;
- Individu yang **layak mendapat rawatan Paxlovid** atau perlu hadir ke CAC terdekat (senarai penuh lokasi, nombor telefon dan waktu operasi boleh didapati di (<https://covid-19.moh.gov.my/hotline>) untuk penilaian lanjut akan dimaklumkan melalui MySejahtera atau dihubungi CAC melalui panggilan telefon;
- Individu yang **positif COVID-19 Kategori 2A (yang berisiko tinggi) dan ke atas atau mempunyai gejala yang semakin teruk**, dikehendaki hadir ke CAC atau hospital terdekat bagi pemeriksaan lanjut tanpa menunggu panggilan telefon daripada CAC; dan



- Individu yang belum menerima dos primer vaksin dan dos penggalak vaksin COVID-19 dinasihatkan agar segera mendaftar dan mendapatkan vaksin.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam dan luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO dan pihak berkuasa negara-negara serantau. Selain itu, KKM sentiasa memastikan agar langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

7 Mac 2023 @ 10.00 pagi